

KP. 8610-3B (15)

Kementerian Pelajaran,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur. 01-34.

7hb. September, 1977.

Semua Pengarah Pelajaran,
Negeri-Negeri Semenanjung Malaysia,
Sabah dan Sarawak.

SURAT PEKELILING IKHTISAS BIL. 7/77

Pengelolaan Walkaton Di Sekolah-Sekolah

Kementerian ini telah sedia maklum bahawa beberapa buah sekolah telah mengelolakan Walkaton bagi menampung tabung wang untuk faedah murid-murid. Usaha seumpama ini tidaklah dilarang, akan tetapi oleh kerana peserta-pesertanya terdiri daripada murid-murid sekolah, maka pengelolaan Walkaton ini perlu dirancang dan dikawal dengan rapi dan teratur supaya pelajaran, kebajikan dan keselamatan murid-murid tidak akan terjejas sepanjang tempoh pengelolaan Walkaton itu.

2. Bagi menjaga kepentingan murid-murid sekolahnya, seseorang Guru Besar yang hendak menjalankan Walkaton bagi sekolahnya hendaklah mematuhi perkara-perkara yang berikut:-

(i) Waktu mencari penaja

Untuk mencari orang-orang bagi menaja Walkaton, murid-murid sekolah adalah tidak dibenarkan melakukan kerja ini dalam masa yang mereka itu sepatutnya bersekolah. Ini perlu dipatuhi supaya murid-murid tidak kehilangan pelajaran.


(ii) Persetujuan Ibu bapa murid

Oleh sebab kerja mencari penaja Walkaton ini hanya boleh dilakukan di luar waktu bersekolah sahaja, maka Guru Besar yang terlibat hendaklah mendapat persetujuan ibu bapa murid secara bertulis terlebih dahulu, sebelum murid yang berkenaan dibenarkan menyertai Walkaton.

(iii) Keselamatan dan Kebajikan murid

Dalam menjalankan kerja mencari penaja Walkaton ini, murid-murid yang terlibat akan terdedah kepada beberapa kemungkinan-kemungkinan kemalangan dan lain-lain perkara yang tidak diinginkan. Oleh itu untuk menghindar supaya perkara-perkara ini tidak akan berlaku ke atas murid-murid, Guru Besar hendaklah mengambil langkah-langkah yang perlu dari awal pengelolaan Walkaton itu.

3. Harap maklumkan kandungan surat pekeliling ini kepada semua Guru Besar sekolah rendah dan menengah Kerajaan dalam negeri tuan.



(DATO' HAJI MURAD B MOHD. NOOR)
Ketua Pengarah Pelajaran,
Malaysia.

s.k.

Setiausaha Sulit kepada Y.A.B. Menteri Pelajaran.

Setiausaha Sulit kepada Y.B. Timbalan Menteri Pelajaran (I).

Setiausaha Sulit kepada Y.B. Timbalan Menteri Pelajaran (II).

Ketua Setiausaha Kementerian.

Ketua Pengarah Pelajaran.

Timbalan Ketua Setiausaha (I).

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (I).

Timbalan Ketua Setiausaha (II).

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (II).

Semua Ketua Bahagian, Kementerian Pelajaran.

S.U.(Politik) kepada Y.A.B. Menteri Pelajaran.

Pegawai Khas (I) kepada Y.A.B. Menteri Pelajaran.

YJ/jj

K
Se
N
Sa
Tu
jala
bad
baji
kaw
Ken
rid,
2.
lah
teta
rid-n
lal
3.
untu
tisas
hadia
asask
kan
yang
bagi
pada
tarikl
4.
ngan
wang
menir